

Headline	GLC digalakkan contohi TNB		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	14 Mar 2019	Language	Malay
Circulation	160,000	Readership	509,000
Section	Bisnes	Page No	43
ArticleSize	275 cm ²	Journalist	Noor Azura Sahril
PR Value	RM 14,073		



GLC digalakkan contohi TNB

Lahirkan lebih ramai pakar industri tenaga

NOOR AZURA SAHRIL

SYARIKAT Berkaitan Kerajaan (GLC) dan swasta digalakkan untuk melahirkan lebih ramai pakar penyelidik industri tenaga yang layak diketengahkan di peringkat antarabangsa.

Timbalan Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC), Isnaraissah Munirah Majilis berkata, antara contoh terbaik yang dilaksanakan oleh TNB adalah melalui anak syarikat milik penuhnya, TNB Research Sdn Bhd yang sentiasa menyokong pelaksanaan aktiviti penyelidikan dan pembangunan serta inovasi.



Isnaraissah Munirah Majilis (kanan) ketika merasmikan Hari Terbuka TNB Research 2019 di TNB Research Sdn Bhd (TNBR) di Kajang, Selangor.

"Pencapaian TNB Research ini bukan sahaja memberi manfaat kepada industri tenaga, tetapi boleh dijadikan contoh terbaik kepada GLC lain, bahkan syarikat swasta," katanya ketika

berucap merasmikan Hari Terbuka TNB Research 2019 bertemakan 'Energizing Research, Enlivening Innovation'.

Hari Terbuka TNB Research 2019 yang julung kali diadakan

ini adalah platform terbaik untuk semua pihak berkepentingan, termasuk agensi-agensi kerajaan, sektor swasta, usahawan dan pertubuhan bukan kerajaan untuk berkongsi idea dan hasil inovasi.

Menurut Isnaraissah, usaha TNB ini turut menyokong kepada usaha-usaha MESTECC ke arah keupayaan inovasi negara di samping meningkatkan kadar pengkomersialan aktiviti penyelidikan dan pembangunan.

Pada majlis tersebut juga, Isnaraissah telah merasmikan pelancaran empat buah buku terbitan TNBR yang menyokong kepada aktiviti penyelidikan dan pembangunan yang melibatkan Hulu Terengganu Hydroelectric Project – Towards Conservation of Biodiversity, Dasar jaminan Kualiti Produk TNB, TenagaP-RO, Technology Guidebook 2019 dan Program Pengurusan Bencana Empangan Berteraskan Komuniti Secara Bersepadu.